

## Pembangunan Perlu Bawa Kebaikan kepada Masyarakat

Terakhir dikemaskini: Khamis, 25 Januari 2018 11:23 | [Cetak](#) Jumlah paparan: 539

[Kongsi 44](#)
[Syorkan 44](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**KHAMIS, 25 JANUARI** - Pembangunan haruslah membawa kebaikan kepada semua lapisan masyarakat dan bukannya sekadar bermanfaat kepada segelintir pihak, kata Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Menurut beliau, setiap pembangunan yang dilaksanakan perlu menitikberatkan aspek utama dalam kehidupan yang tidak merosakkan rangkaian sosial, identiti budaya atau alam sekitar.

“Faedah daripada sesuatu pembangunan bukan hanya kepada aspek kewangan semata-mata tetapi merangkumi peningkatan sebenar yang berkepentingan kepada rakyat,” katanya.

Datuk Seri Panglima Masidi berucap demikian ketika merasmikan Persidangan ‘International Borneo Quality of Life’ (BQOL) anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan Pembantu Menteri di kementeriannya, Datuk Hj. Kamarlin Hj Ombi.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, persidangan BQOL adalah pertama kali dianjurkan di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

Menurutnya, ia menyasarkan kepada penambahbaikan kualiti hidup dengan melibatkan peserta dari pelbagai latar belakang.

“Setiap peserta persidangan jelasya, akan bekerjasama menghasilkan resolusi bagi membantu meningkatkan kualiti kehidupan di rantau ini,” ujarnya dalam teks yang disampaikan Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Marcus Jopony.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), Dr. Lawrence Mah Hon Kheong; Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jefree; dan Pengurus Persidangan BQOL, Prof. Madya Dr. Helen Benedict Lasimbang.